

15 SEP 2003

CUKAI-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR TURUN KADAR CUKAI PENDAPATAN PALING TINGGI DALAM MASA 22 TAHUN

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Seorang perunding cukai berkata sepanjang tempoh 22 tahun menjadi perdana menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menurunkan kadar cukai pendapatan individu tertinggi daripada setinggi 60 peratus pada 1981 kepada 28 peratus pada 2002.

Beliau juga menurunkan kadar cukai korporat daripada 40 peratus pada 1981 kepada 28 peratus pada 2002, kata Yong Poh Chye, pengarah eksekutif Tax Advisory Management Services Sdn Bhd.

Mengulas mengenai jangkaan orang ramai yang kerajaan akan terus mengurangkan cukai pendapatan korporat dan individu, Yong berkata pembayar cukai tidak boleh mengharapkan lebih banyak pemotongan buat masa ini memandangkan pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan pada Mei tahun ini menyediakan banyak insentif.

Beliau berkata Bajet 2004 memberi laluan kepada sektor swasta, terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS), bagi menjana ekonomi dengan memajukan sumber baru pertumbuhan.

Beliau berkata cadangan menaikkan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi IKS daripada RM100,000 kepada RM500,000 di bawah kadar cukai korporat sebanyak 20 peratus akan menyokong IKS dari segi keluaran dan eksport serta menggalakkan pelaburan semula.

"IKS juga akan berada pada asas yang lebih kukuh setelah kerajaan mencadangkan untuk membantu mereka menangani pinjaman tidak berbayar mereka dengan institusi kewangan," kata Yong.

Ini, kata beliau menunjukkan kerajaan juga komited ke arah membantu perniagaan kecil.

Kerajaan dilihat membantu hanya perniagaan besar selepas krisis kewangan 1997-98 dengan penubuhan agensi-agensi seperti Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Tetapi dengan inisiatif terkini, Yong berkata kerajaan beralih untuk membantu perniagaan kecil yang mungkin berada dalam masalah kewangan selepas membantu "syarikat besar".

Beliau berkata sekiranya pemulihan global lebih kukuh dalam jangkamasa terdekat, objektif mendapatkan bajet berimbang akan dicapai pada 2006.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat secara kolektif dijangka berkembang sebanyak 1.9 peratus tahun ini dan 2.9 peratus tahun depan.

Mengenai pengurusan ekonomi oleh Dr Mahathir, Yong berkata beliau telah mengurangkan defisit bajet daripada 16.2 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 1981 kepada 5.4 peratus KDNK pada 2003 dengan unjuran 3.3 peratus KDNK pada 2004. -- BERNAMA

SHY SD NHD